

160,000 penumpang sehari disasar guna MRT mulai Januari depan

Operasi hari pertama lancar

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR – Operasi hari pertama perkhidmatan Mass Rapid Transit (MRT) semalam berjalan lancar dengan jumlah penumpang dijangka meningkat kepada kira-kira 160,000 orang sehari bermula Januari depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz (**gambar kecil**) berkata, pihaknya menjangka

suasana menjadi sibuk apabila orang ramai mula pulang ke ibu kota selepas tamat musim cuti persekolahan kelak.

“Berdasarkan pengalaman mengendalikan beberapa perkhidmatan tren sebelum ini, kita jangkakan jumlah penumpang MRT berterusan meningkat selepas ia mula beroperasi,” katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan operasi hari



pertama perkhidmatan MRT di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn. Bhd., Datuk Zohari Sulaiman dan Ketua Pegawai Operasi MRT, Muhammad Isom Azis.

Dalam perkembangan lain, Azmi memberitahu, Rapid Rail yang merupakan syarikat pengendali perkhidmatan MRT sedang menjalankan kajian untuk mengenal pasti beberapa stesen MRT yang berpotensi untuk dibina kawasan tempat letak

basikal.

Jelasnya, warga kota kini gemar menggunakan basikal untuk ke tempat kerja.

“Rapid Rail turut menyokong aktiviti sihat tersebut dengan menyediakan prasarana untuk penumpang MRT meletakkan basikal.

“Penumpang juga dibenarkan membawa basikal jenis mudah alih ke dalam tren MRT pada



ZOHARI (kiri) bersama Muhammad Isom membaca akhbar *Kosmo!* pada operasi hari pertama perkhidmatan MRT ketika menaiki perkhidmatan tren itu dari Stesen Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur ke Stesen Sungai Buloh semalam.

waktu bukan puncak,” ujarnya.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan fasa pertama perkhidmatan MRT melibatkan laluan Sungai Buloh ke Semantan sepanjang 21 kilometer yang menghubungkan 12 buah stesen.

Najib turut mengumumkan perkhidmatan MRT yang menelan belanja RM21 bilion itu memberikan tambang percuma selama sebulan bermula semalam hingga 16 Januari depan.

Penumpang perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang dija-

INFO

MRT Sungai Buloh-Kajang Fasa 1

- **Waktu operasi MRT**
Hari bekerja – 6 pagi hingga 12 tengah malam
Hari minggu – 6 pagi hingga 11 malam
- Waktu operasi bas pengantara
Setiap hari - 5.30 pagi hingga 11.30 malam
- Kadar tambang bas pengantara RM1 bagi setiap perjalanan
- Bas pengantara menghubungkan antara stesen MRT dengan kawasan kediaman, pusat beli-belah dan bangunan pejabat berdekatan
- Antara kemudahan disediakan di setiap stesen MRT antaranya surau, kawasan parkir kereta, motosikal dan basikal serta gerai jualan.

angka mencecah 400,000 orang sehari selepas keseluruhan projek itu siap sepenuhnya menjelang Julai tahun depan.